# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 17 NOVEMBER 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | PRODUK TENUSU, TUNA DARI ARAB SAUDI DIRAMPAS, NASIONAL, BH -24<br>RAMPAS BARANG SELUDUP SATU KONTENA, NEGARA, KOSMO -17 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA |
| 3.<br><br>4.<br>5.<br>6. | FISHERMEN ADVISED TO TAKE EXTRA SAFETY PRECAUTIONS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -5<br>GOVT SUBSIDIES EASE COST OF LIVING, NATION, THE STAR -11<br>PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DIPERKASA, NASIONAL, SH -5<br>TINGKAT SEKURITI MAKANAN DEPANI KRISIS BEKALAN, DARUL NAIM, HARAKAH -H20 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/11/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 24 |

# Produk tenusu, tuna dari Arab Saudi dirampas

**Pelabuhan Klang:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor merampas 432 kotak produk tenusu dan 300 kotak tuna dalam tin dari Arab Saudi di sini pada Isnin lalu.

Pengarah MAQIS Selangor, Mohd Sobri Md Hashim, berkata siasatan mendapati dagangan yang dibawa masuk itu bukan hanya tidak diikrar pada borang Kastam malah tiada permit import MAQIS.

"Semua dagangan itu dirampas dari sebuah kontena ketika pemeriksaan rutin dijalankan di kawasan Pelabuhan Klang Barat.

"Siasatan kira-kira jam 3.30 petang itu mendapati, kontena terbabit membawa produk berkenaan yang bernilai RM45,000.

"Siasatan juga mendapati, syarikat tempatan terbabit membawa masuk dagangan untuk pasaran tempatan dan ini kesalahan kali pertama dilakukan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/11/2022 | KOSMO | NEGARA | 17 |

Tuna dalam tin, produk tenusu Arab Saudi tak lepas masuk Malaysia

# Rampas barang seludup satu kontena

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**KLANG** – Misteri sebuah kontena yang tidak dituntut di Pelabuhan Barat sejak sebulan lalu terjawab apabila ia mengandungi pelbagai produk makanan yang cuba diseludup dari Arab Saudi bernilai RM45,000.

Barangan berupa 432 kotak tenusu dan 300 kotak tuna dalam tin itu ditemui pada pukul 3.30 petang selepas sepasukan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) melakukan pemeriksaan ke atas kontena yang tiba di pelabuhan itu sejak 14 Oktober lalu.

Siasatan mendapati, kesemua barangan itu ditempah oleh sebuah syarikat di ibu negara.

Pengarah Maqis Selangor, Mohd. Sobri Md. Hashim berkata, taktik itu terbongkar apabila pihaknya melakukan pemeriksaan rutin ke atas sebuah kontena di pelabuhan tersebut.

"Pemeriksaan mendapati, produk tenusu dan tin tuna itu tidak diikrar pada borang kastam dan tiada permit import Maqis.

"Kesemua barangan itu bernilai RM45,000 dan ia dirampas kerana cuba diseludup dan mengelak daripada cukai serta pemeriksaan," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau menambah, siasatan mendapati produk itu cuba dibawa masuk oleh satu syarikat dan ia merupakan kesalahan pertama dilakukan mereka.

Difahamkan syarikat itu telah beroperasi di sekitar Lembah Klang sejak 2010.

Kes disiasat mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang membawa hukuman denda RM100,000 atau enam tahun penjara jika sabit kesalahan.




PEGAWAI Maqis menunjukkan sebahagian barangan dari Arab Saudi yang dirampas ketika cuba diseludup ke Malaysia melalui Pelabuhan Barat, Klang baru-baru ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/11/2022 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 5 |

# Fishermen advised to take extra safety precautions

**KUALA TERENGGANU:** The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) is reminding the fishing community to take more safety measures when going out to sea during the current Northeast Monsoon season.

Its director Capt Mohd Khairulanuar Majid @ Razali said the safety measures include a need to wear a safety jacket and personal locator beacon to facilitate search and rescue operations in the event of an emergency.

"In such monsoon conditions, individuals should wear a life jacket even if they are just fishing on the coast for easier detection and rescue.

"I also recommend that every fisherman buy a personal locator beacon so that we can easily locate them. The sea is wide, in an emergency, (the beacon would make it easier to) trace wherever they are," he said at the Terengganu MMEA office yesterday.

He also advised fishermen to ensure that all their equipment is in good working order before going out to sea to earn a living.

Mohd Khairulanuar said from January until Tuesday, a total of 18 search operations involving 54 victims have been carried out.

"We will not stop fishermen from going to sea, but (they must) make sure their equipment is in good condition and inform us where they are fishing, so that they are easy to find if they get lost."

In other developments, Mohd Khairulanuar said MMEA remains vigilant and is increasing patrols during the monsoon season to avoid encroachments by foreign fishermen.

He said from January until Tuesday, a total of 22 foreign fishing boats were impounded involving seizures worth RM33.4 million.

"We are also monitoring islands where the foreign fishermen have sought refuge during previous monsoons from the air, but so far, there are no signs of any foreign fishing vessels." – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/11/2022 | THE STAR | NATION | 11 |

# GOVT SUBSIDIES EASE COST OF LIVING

## Essential items and services kept affordable, inflation rate controlled

THE government has allocated RM77.7bil in subsidies to ease the *rakyat*'s cost of living.

These subsidies cover a wide range of items and services – chicken, eggs, cooking oil, flour, fuel, water, electricity and transport.

And this figure does not include other welfare assistance such as Bantuan Keluarga Malaysia.

"The government will continue to focus on programmes and initiatives that bring prosperity and benefits to Keluarga Malaysia, to ensure that no one is left behind," Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced in July, as reported by *Bernama*.

The biggest chunk of subsidies is for fuel – RON95 petrol (RM27bil), diesel (RM7.5bil) and liquefied petroleum gas or LPG (RM2.6bil).

Capped at US$0.466 a litre, RON95 fuel is among the cheapest in the world, compared to Indonesia ((US$0.871 per litre), Thailand (US$1.205) and even Saudi Arabia (US$0.62) – according to prices listed on *www.globalpetrolprices.com* in the first week of November.

Then there are subsidies for food such as cooking oil (RM4bil), chickens/eggs (RM1.233bil) and wheat flour (RM40mil).

### Controlling inflation

The prime minister said the subsidies given by the government has led to the country's inflation rate being kept at 2.8%.

Sunway University professor of economics Yeah Kim Leng said Malaysia is well positioned to weather the spike in inflation globally, thanks to government efforts in providing subsidies, which help maintain ceiling prices for some consumer goods.

The escalation of commodity prices is affecting countries around the world. The high prices of energy and food will likely continue as long as the Russia-Ukraine conflict and China's lockdown are prolonged, disrupting the supply chain of goods, he said.

Prof Yeah explained that the subsidies for basic necessities such as cooking oil and cooking gas would ensure that the low-income groups are not adversely affected by inflation.

However, he noted that the government was considering a form of subsidy only for the poor, with the potential savings to be channelled to the education and health sectors.

Malaysia's Consumer Price Index was much lower compared with 8.5% in the United States. Other western economies are also experiencing price shocks especially in terms of food and energy, added Prof Yeah.

Prof Geoffrey Williams of the Malaysia University of Science and Technology said the country was fortunate to be an oil producer. Thus, the higher income from exporting petroleum would be able to offset the many subsidies being given out.

"The subsidy cost effects, which can be crippling in non-oil producing countries, are actually quite muted here in Malaysia," Prof Williams said.

### Budget 2023 and other aid

In July, Ismail Sabri announced RM630mil in additional cash transfers to the poor on top of the RM1.11bil under the second phase disbursement of Bantuan Keluarga Malaysia cash aid.

These cash handouts come up to RM1.74bil to help 8.6 million vulnerable and lower-income recipients to cope with the rise in the cost of living from higher food prices.

Current water and electricity tariff rates for domestic users in Peninsular Malaysia will be maintained, thanks to subsidies worth RM5.8bil from the government as the country faces sharp increases in fuel and other costs.

Even more generous assistance has been promised under Budget 2023, which was tabled on Oct 7. As Parliament was dissolved three days later on Oct 10, this means that the budget needs to be retabled.

However, the proposals announced earlier are a signal of what the government intends to do.

A sum of RM7.8bil has been earmarked for Bantuan Keluarga Malaysia which will benefit 8.7 million people. A total of RM2.5bil in welfare aid will go to 450,000 households.

There are also various subsidies for transport in Budget 2023. An amount of RM200mil has been allocated by the government to cover transport and distribution costs of essential items to ensure they reach rural residents at reasonable prices.

A RM180mil allocation is slated to improve public bus access for the people of Melaka, Kota Kinabalu and Kuching. The government will also replace 18 stage buses operated by Majlis Amanah Rakyat (Mara) for the benefit of Kedah residents.

The subsidy for air transport services will also continue with an allocation of RM209mil to benefit rural residents specifically in Sabah and Sarawak.

The My50 monthly public transport pass initiative will continue next year. This will benefit almost 180,000 users.

Up to now, the government has subsidised RM40 for the electric bills of hardcore poor households under the e-Kasih list. This subsidy has been given to those below the poverty line income of RM980. Under Budget 2023, this level will be raised to RM1,169 so that more households will benefit.

Budget 2023 will also channel RM100mil to continue supporting the Keluarga Malaysia Cheap Sale programme nationwide.

### Successful policy

Prof Emeritus Dr Barjoyai Bardai, economist at Universiti Tun Abdul Razak (UniRazak), said that aid from Bantuan Keluarga Malaysia and the Employee Provident Fund (EPF) withdrawals have boosted domestic consumption and also economic growth.

This is one factor that made the World Bank revised its 2022 forecast of annual gross domestic product (GDP) growth for Malaysia – up to 6.4% from 5.5% previously.

MCA president Datuk Seri Wee Ka Siong said Ismail Sabri's premiership has steered the country through the choppy waters of the Covid-19 pandemic and Russia-Ukraine war.

"The government's intervention in the form of subsidies prevented the country from falling into a deep recession," he told Astro Awani.

"It was an extraordinary time when oil prices soared due to the war in Ukraine. If not for the subsidies that (the government) has given, the inflation rate would have been even higher," Wee said.





The government has allocated about RM5bil in subsidy to keep the price of chicken eggs and cooking oil low for the people's benefit.




Thanks to government subsidy, RON95 petrol in Malaysia is among the cheapest in the world.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/11/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 5 |

# Pembangunan luar bandar diperkasa

## Bantuan demi bantuan diberikan kepada golongan sasar termasuk peniaga

**Oleh FARAH SHAZWANI ALI & ROSKHOIRAH YAHYA**
SHAH ALAM

#KELUARGA MALAYSIA



Kerajaan pimpinan Ismail Sabri menitikberatkan kebajikan rakyat luar bandar dengan menyediakan pelbagai peruntukan pada Bajet 2023.

Agenda memperkasa pembangunan luar bandar terus menjadi keutamaan kerajaan dalam merapatkan jurang ekonomi dan prasarana seiring kawasan bandar.

Ia boleh dilihat melalui pelbagai inisiatif dan peruntukan setiap tahun, dalam memastikan penduduk di kawasan luar bandar tidak ketinggalan dan turut menikmati kemudahan yang sama.

Ini terbukti apabila Kerajaan Keluarga Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengumumkan peruntukan RM2.55 bilion bagi menambah baik kemudahan infrastruktur luar bandar dalam Bajet 2023.

Peruntukan bina baharu dan baik pulih rumah pula akan ditingkatkan daripada RM361 juta kepada RM460 juta.

Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Profesor Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berpandangan, secara keseluruhannya pembangunan kawasan luar bandar bertambah baik dari tahun ke tahun dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

"Untuk Semenanjung, secara puratanya pembangunan lebih baik dari Malaysia Timur, namun masih ada kawasan-kawasan yang terpencil dan di pendalaman Kedah, Perak, Kelantan serta Johor yang masih belum dibangunkan sepenuhnya termasuk bekalan air bersih, elektrik dan perhubungan jalan raya yang ditar. Ini termasuk Sabah dan Sarawak.

"Kerajaan sedar akan perkara ini, sebab itu saya melihat peruntukan yang besar bagi projek bekalan elektrik luar bandar sebanyak RM472 juta, projek bekalan air luar bandar dan bekalan air alternatif RM381 juta serta RM123 juta bagi projek lampu jalan kampung melalui pemasangan baharu 6,800 unit lampu dan penyelenggaraan diberikan untuk Bajet 2023," katanya kepada *Sinar Harian*.

### Tambah capaian Internet

Pandemik Covid-19 memberi pengajaran betapa pentingnya pembaikan infrastruktur perhubungan jalan raya dan Internet diseragamkan untuk membangunkan ekonomi rakyat.

Aimi Zulhazmi menambah, jurang digital antara kawasan luar bandar dan bandar terutama daripada segi jangkauan dan kelajuan Internet boleh diperbaiki, terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Katanya, ia juga penting untuk sampai kepada *'unbankable segment of the society'* yang mahu dicapai oleh bank-bank digital yang baru diberikan lesen oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

"Dalam era ekonomi digital, hubungan Internet perlu diseimbangkan dengan sistem perhubungan bagi membantu pembangunan e-dagang supaya barang-barang dan perkhidmatan dari luar bandar dapat dipasarkan pada kos yang rendah," jelasnya.

### Nelayan tidak dipinggirkan

Bagi golongan nelayan, bantuan bulanan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) sebanyak RM300 sebulan dan ESHN Darat berjumlah RM250 sebulan meringankan beban mereka.

Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Mat Yassim Mohamed menyifatkan bantuan itu cukup bermakna dalam kelangsungan hidup golongan nelayan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Terengganu (Penentu) itu berkata, tempoh pandemik dan musim tengkujuh agak mencabar, namun bantuan itu membolehkan nelayan dan keluarga mereka menggunakannya untuk membeli barangan keperluan asas.



MAT YASSIM

"Kerajaan juga membantu kami dengan pemotongan sejumlah kecil daripada elaun itu untuk caruman Perkeso.

"Jika ada antara kami yang dilanda musibah atau hilang upaya dan mengalami kemalangan di laut mahupun darat, kami terus dilindungi.

"Ia secara tidak langsung memberi jaminan kepada hampir 100,000 nelayan di seluruh negara," jelas Mat Yassim.

Dalam pembentangan Bajet 2023, kerajaan turut mengumumkan beberapa inisiatif kepada golongan rentan di luar bandar.

Golongan ini diumumkan peruntukan bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk 450,000 isi rumah dan subsidi bil elektrik RM40 diperluaskan kepada kumpulan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Makanan 2019.

Selain itu, kerajaan turut memperuntukkan sejumlah RM734 juta bagi perlindungan sosial yang meliputi perlindungan insurans atau takaful bagi B40 dan penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM).

Segala jenis insentif dan bantuan yang diberikan itu menunjukkan kerajaan menitikberatkan kelestarian bantuan kewangan kepada golongan sasar.

### Usahawan dibantu

Pada masa sama, golongan usahawan luar bandar turut diberi perhatian untuk membolehkan mereka menstruktur semula perniagaan yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19.

Antara yang diumumkan adalah inisiatif Semarak Niaga berjumlah RM45 bilion dalam bentuk geran, pinjaman langsung, pembiayaan alternatif dan jaminan pembiayaan.

Malah, Skim Penjaja Kecil Keluarga Malaysia berjumlah RM350 juta juga mampu untuk melonjakkan perniagaan mikro tempatan.

Presiden Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, bantuan yang ditawarkan kerajaan dapat meningkatkan modal pusingan serta pendapatan boleh guna.

"Ketika negara dilanda wabak Covid-19 ramai peniaga berhadapan dengan cabaran, malah ada yang terpaksa menutup kedai.

"Pengumuman yang dibuat melalui Bajet 2023 itu jelas memberi khabar gembira buat semua peniaga sama ada di bandar mahupun luar bandar," ujarnya.

Menurut Rosli, pengecualian cukai duti setem untuk penstrukturan semula pembiayaan dan pinjaman juga digunakan untuk modal pusingan perniagaan.

"Inisiatif ini memberi kelebihan kepada peniaga yang ingin membuat pinjaman tanpa dikenakan sebarang cukai.

"Saya percaya semua peniaga hargai usaha kerajaan itu namun perlu memudahkan permohonannya. Prosedurnya ketat, mereka perlu sediakan transaksi perniagaan selama enam bulan," jelasnya.

Tambahnya, Bajet 2023 turut responsif dalam menyokong aktiviti perniagaan setelah menawarkan geran *one-off* sebanyak RM1,000 kepada 1,000 orang peniaga dan penjaja.

Beliau mencadangkan supaya kerajaan memperbanyakkan bantuan dari segi geran dan kupon berbanding memberi pinjaman kepada mereka.

"Wang yang dipinjamkan itu akan membebankan peniaga. Bagaimana mereka mahu bayar balik wang tersebut jika kurang mendapat keuntungan.

"Pasaran perniagaan di luar bandar sangat terhad dan berbeza dengan mereka yang berniaga di bandar," ujarnya.

Beliau berkata, insentif yang diberikan dalam bentuk geran dan kupon itu mampu mengekalkan momentum perniagaan apatah lagi dalam suasana ekonomi yang dijangka tidak menentu tahun depan.

Beliau turut berpendapat, moratorium yang diumumkan sebelum ini perlu dilanjutkan walaupun selepas kes Covid-19 menurun kerana ia akan membantu menggerakkan perniagaan mereka.



"*Kerajaan sedar akan perkara ini, sebab itu saya melihat peruntukan yang besar bagi projek bekalan elektrik luar bandar sebanyak RM472 juta, projek bekalan air luar bandar dan bekalan air alternatif RM381 juta.*"

- Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Profesor Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/11/2022 | HARAKAH | DARUL NAIM | H20 |

Oleh **SALMAH MAT HUSAIN**

# Tingkat sekuriti makanan depani krisis bekalan

**KOTA BHARU:** Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V menitahkan kerajaan negeri memberi tumpuan kepada sektor pelancongan memandangkan ia berjaya menjana ekonomi penduduk setempat.

Titah baginda untuk merancakkan semula kegiatan ekonomi, tumpuan harus diberikan kepada sektor pelancongan baharu, khususnya berasaskan 'rekreasi bersama keluarga'.

"Dari segi pelancongan, produk sedia ada yang menjadi tumpuan seperti 'Train To Dabong', Zoo Mini Kuala Krai dan Laman Warisan Kampung Laut perlu dipromosikan,î titah baginda sempena sambutan ulangtahun keputeraan ke-53 di Istana Balai Besar di sini Sabtu lepas.

Sultan Muhammad V turut mencadangkan kerajaan negeri mempromosikan agenda 'Kelantan Sihat' bagi mewujudkan budaya dalam kalangan masyarakat dan individu yang sihat mental, fizikal dan rohani.

Selain itu dapat mewujudkan lebih banyak pusat bimbingan dan kaunseling dan pusat



**Menteri Besar** mempersembahkan ucapan ikrar dan taat setia mewakili **Kerajaan** Negeri dan seluruh rakyat Kelantan.

rekreasi baharu.

"Beta dimaklumkan kerajaan negeri sedang merancang pembangunan bandar-bandar baharu di seluruh negeri. Besar harapan beta perancangan mengambil kira ciri-ciri unik setiap bandar yang akan dibangunkan sebagai pusat kegiatan ekonomi dan komersil," titah baginda.

Baginda juga meluahkan rasa gembira dengan pelaksanaan beberapa projek berimpak tinggi termasuk Lebuh Raya Kota Bharu-Kuala Krai, Central Spine Road (CSR).

Selain itu projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra yang sedang giat dijalankan sekarang dan diharap siapkan dalam masa ditetapkan.

Baginda juga menyambut baik kelulusan beberapa projek infrastruktur seperti diumumkan Perdana Menteri Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob melibatkan Kelantan September lepas antaranya projek pembinaan Jambatan Pengkalan Kubor-Takbai dan sambungan Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT3). ìBeta berharap projek-projek tersebut dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat," titah baginda.

Titah baginda juga pada tahun 2022 Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri melancarkan program pembasmian kemiskinan tegar Keluarga Malaysia dan lapan lokaliti melibatkan lapan jajahan di Kelantan dipilih untuk mengikuti program itu bagi fasa 1.

Menurut baginda dengan adanya program seumpama itu dapat membantu rakyat menambah pendapatan dan keluar daripada kepompong kemiskinan.

Baginda juga mahu kerajaan memberi lebih serius terhadap pembangunan golongan belia dan beliawanis terutamanya menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan kemahiran.

## Peluang keusahawanan

Titah baginda perlu diwujudkan lebih banyak peluang perniagaan, latihan kemahiran dan pendekatan melalui teknologi berteraskan internet (IOT).

Baginda turut berharap



**Sultan Muhammad V bertitah pada istiadat sempena sambutan hari ulangtahun** Keputeraan ke-53.

kerajaan negeri mempertingkatkan lagi kecekapan sistem penyampaian dan pengurusan, di samping mengemas kini semula prosedur tertentu.

"Penularan wabak Covid-19 menimpa seluruh dunia bukan sahaja meninggalkan kesan dengan jumlah kematian yang begitu besar, tetapi kesan mendalam terhadap aspek kemanusiaan terutama bidang ekonomi.

"Wabak berkenaan memberi kesan langsung kepada kepada ekosistem perniagaan, industri pembinaan dan pembuatan, pelancongan serta pertanian yang menyebabkan pertambahan bilangan pengangguran," titah baginda.

Menurut baginda kerajaan negeri perlu terus memberi perhatian kepada pembangunan kawasan industri baharu dengan melengkapkan kemudahan infrastruktur dengan memberi penekanan ke arah sektor pembuatan terpilih seperti bidang elektronik yang mempunyai potensi besar," titah baginda.

Selain keperluan untuk memulih sektor ekonomi, baginda mahu masyarakat dan komuniti bersama dengan kerajaan menjayakan pembangunan mampan melalui pembudayaan amalan bersih untuk meningkatkan kelestarian alam.

Selain itu menggalakkan inisiatif kitaran ekonomi, menjadikan peralihan sisa kepada sumber ekonomi dan memperkukuhkan tadbir urus pengurusan sisa dengan lebih baik.

Menurut baginda juga tempoh selama hampir dua tahun menguruskan musibah Covid-19, menjadi keperluan untuk kerajaan meningkatkan lagi kecekapan sistem penyampaian dan pengurusan, di samping mengemaskini semula prosedur-prosedur tertentu bagi menambah baik perkhidmatan.

"Beta sedar situasi ekonomi semasa dan pelbagai perkembangan di peringkat antarabangsa dan serantau memberi kesan kepada aspek keselamatan dan kesediaan bekalan makanan.

"Beta mengalu-alukan tindakan proaktif kerajaan negeri mewujudkan beberapa jawatankuasa khusus serta mengenal pasti strategi-strategi bagi meningkatkan bekalan dan pengeluaran makanan bagi mengurangkan kebergantungan kepada bekalan daripada luar.

"Dan memastikan negeri ini mempunyai daya tahan yang kukuh di dalam mendepani krisis bekalan dan sekuriti makanan," ujar baginda.

Sultan Muhammad V turut mencadangkan diwujudkan mekanisme pengurusan bencana yang menyeluruh di Kelantan.

"Beta berharap pihak kerajaan beta dapat memberi perhatian kepada keperluan bagi pembinaan Empangan Lebir bagi melengkapkan projek Lembangan Bersepadu Sungai Kelantan dan Sungai Golok yang dimulakan sejak tahun 2017," ujar baginda.



**Tuan Ibrahim Tuan Man menerima darjah kebesaran negeri daripada Sultan Muhammad V.**